



218

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 10 RABU 19 MEI, 1965.

1385 رابو 18 محرام PERCHUMA

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-LONDON

Untuk Mengadakan Sambongan Perundingan Dengan Kerajaan British Mengenai Shor Bagi Kemajuan Perlembagaan Negeri Brunei

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-London dengan kapal terbang dari Brunei melalui Singapura pada petang hari Khamis 13 Mei, 1965.

Baginda telah berangkat ka-London untuk mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Kerajaan British mengenai shor bagi mengadakan kemajuan dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Putera2 dan Puteri2 Baginda2.



Gambar atas: Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan mengucapkan "Selamat Tinggal" semasa Baginda menaikki kapal terbang untuk berangkat ka-London pada petang hari Khamis 13 Mei, 1965.

Gambar bawah: Gambar ini di-ambil pada masa Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Putera2 dan Puteri2 Baginda dan lain2-nya berjalan menuju ka-kapal terbang untuk berangkat ka-London pada petang hari tersebut.

BERITA TERAKHIR

D. Y. M. M. DAN ROMBONGAN SELAMAT TIBA DI-LONDON

BANDAR BRUNEL. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Putera-Puteri Baginda dan rombongan telah selamat tiba di-London dengan kapal terbang dari Brunei melalui Singapura. Demikian menurut satu kawat dari London.

Perundingan yang di-adakan antara Baginda dengan Pegawai2 Kerajaan British di-London itu, ada-lah sebagai sambongan kepada perundingan yang telah di-adakan pada masa dahulu dan akan membawa kepada terbentok-nya sa-buah Kerajaan yang sa-bahagian-nya di-wakili oleh ra'ayat menerusi Pilehan Raya.

Satu shor juga telah di-buat untuk membentok sa-buah Majlis Menteri2 bagi menggantikan Majlis Mashuarat Kerajaan.

(Lihat Muka 5)



5

KURSUS SINGKAT GURU2 SEKOLAH KECHIL:

KURSUS ITU DI-ADAKAN UNTUK MENAMBAH PENGETAHUAN GURU2 DALAM HAL - EHWAL KEMAJUAN PELAJARAN

- Kata Pemangku S. U. K.
Awang Mohamed Taib

BERAKAS. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Kursus Singkat Guru2 Sekolah Kechil (Sekolah2 Melayu) Sa-Negeri Brunei di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada pagi hari Sabtu 15 Mei, 1965.

Kursus itu di-adakan selama tiga hari mulai hari tersebut hingga ka-hari Isnin 17 Mei. Seramai 72 orang Guru2 Besar Sekolah Kechil dari seluruh Negeri Brunei telah mengambil bahagian.

Sa-belum Awang Mohamed Taib merasmikan pembukaan kursus tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Husain bin Mohamed Yusof yang menjadi Pengerusi kursus itu dan juga oleh Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Malcolm MacInnes.

"Sa-bagai yang di-ma'alomkan kepada saya, bahawa kursus yang di-adakan ini ada-lah bertujuan supaya menambah pengetahuan guru2 dalam hal ehwal kemajuan Pelajaran di-Sekolah2 Melayu pada masa ini", kata Awang Mohamed Taib.

Beliau berharap sa-moga hasil daripada kursus itu akan dapat menambah pengetahuan guru2 sa-bagaimana yang di-maksudkan dan dapat di-gunakan keseluruhannya bagi mendidik anak2 bangsa kita ka-arrah kemajuan sa-bagai satu bangsa yang benar2 bertanggung jawab pada diri-nya sendiri, bangsa dan negara-nya.

Dalam pada itu, kata Awang Mohamed Taib, beliau memang menyedari betapa berat-nya tanggung jawab guru2 itu untuk melaksanakan penyampaian ilmu pendidikan pada

anak2 mereka, terutama menurut tujuan yang sa-benar2-nya: "Menjadikan anak2 negeri yang baik dan bertanggung jawab kepada bangsa dan negeri-nya"; ada-lah suatu faktor yang amat susah dan rumit.

"Tetapi saya yakin bahawa keazaman yang kuat, semangat yang mawaja untuk menempoh segala rintangan2 itu, akan melichinkan dan meringankan beban tuan2 dalam melaksanakan tanggung jawab tuan2 sa-bagai sa-orang guru", kata beliau.

Selanjut-nya Awang Mohamed Taib berkata beliau perchaya bahawa daripada perjumpaan tersebut juga dapat membaharui azam dalam hal pendidikan dan dapat bertukar2 fikiran dan pengalaman masing2 yang tentunya mendatangkan faedah kepada semua guru2.

Awang Mohamed Taib telah mengucapkan "Selamat Berkursus" kepada guru2 yang mengambil bahagian dalam kursus tersebut.

Kemudian beliau pun merasmikan pembukaan Kursus Singkat Guru2 Sekolah Kechil Sa-Negeri Brunei dengan berkata, "Dengan nama Tohan Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang saya merasmikan kursus ini".

Sa-lepas itu para jemputan telah menyaksikan Pameran Lukisan dan Perbuatan Tangan oleh penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Majlis itu di-akhiri dengan jamuan teh bertempat di-bangunan Maktab tersebut.

Kerajaan Akan Membena Bangunan2 Kekal Sebagai Menggantikan Sekolah2 Sementara - Kata Pegawai Pelajaran Negara Awang MacInnes

BERAKAS. — Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Malcolm MacInnes berkata bahawa Kerajaan akan membangunkan bangunan2 yang kekal sebagai menggantikan Sekolah2 kajang sementara di-negeri ini. Beliau telah berkata sa-demikian ketika memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Kursus Singkat Guru2 Sekolah Kechil pada pagi hari Sabtu yang lalu.

"Walau pun Chegu2 hanya mengajar di-Sekolah2 yang kechil", kata beliau, "namun begitu kerja2 yang Chegu2 membuat itu adalah sama penting-nya dengan kerja2 yang di-buat oleh Guru2 yang mengajar di-dalam Sekolah2 besar di-bandar2".

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang MacInnes berkata, "Tugas2 Chegu bukan hanya memberi kanak2 pelajaran saperti membaca dan menulis, tetapi juga menolong mereka memajukan fikiran dan kechergasan tuboh badan mereka, chinta kepada pelajaran yang ada pada tiap2 mereka itu mesti-lah di-bangunkan supaya mereka ingin melanjutkan pelajaran mereka dan memberi mereka kesedaran akan chinta mereka kepada negara, supaya apabila mereka dewasa nanti, mereka akan dapat menyumbangkan tenaga mereka kepada kemajuan negeri ini.

Tugas2 ini sesungguh-nya berkehendakkan tanggung jawab yang berat dan di-masa menchuba melaksanakannya supaya berkesan, Chegu2 tentu akan menempoh beberapa kesulitan.

Tujuan kursus yang pendek ini ialah untuk menolong Chegu2 men-

chari jawapan kepada kesulitan2 dan kini juga menolong Chegu2 menjalankan tugas2 Chegu dengan penoh kechekapan.

Kebanyakan daripada Chegu2 mengajar di-Sekolah kajang sementara. Kami di-Jabatan Pelajaran menyedari bahawa Chegu2 telah terpaksa menanggung keadaan yang sulit ini dan kami telah berniat untuk mendirikan bangunan yang kekal dengan sa-bberapa segera yang boleh.

Ranchangan bagi membuat bangunan2 baru ini telah pun di-benarkan oleh Kerajaan dan kami harap bahagian besar daripada ranchangan itu akan dapat di-mulakan pada akhir tahun ini.

Awang MacInnes berkata selanjutnya beliau berharap Guru2 yang mengambil bahagian dalam kursus tersebut akan mendapati kursus itu kedua2-nya mengembirakan dan beri faedah.

Beliau telah mengucapkan terima kaseh kepada Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar kerana kesudian beliau hadir di-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan pembukaan kursus itu.

Peraduan2 Bachaan Al-Kura'an dan Sharahan Memperolehi Sambutan

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Membacha Al-Kura'an dan Sharahan bagi murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Brunei/Muara, di-bawah anjoran Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada petang 9 Mei, 1965.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan peraduan tersebut. Awang Ali menyatakan bahawa Kerajaan ada-lah mendukung dan menjunjong tinggi segala langkah suci yang bertujuan untuk mengembangkan pembachaan Al-Kura'an.

Beliau berkata "Semangat ke-Islaman yang tulin beserta dengan kepercayaan yang tidak berbelah bagi hanya-lah dapat di-sebatikan kepada umat Islam sendiri dengan melalui ajaran2 dari kitab suci Al-Kura'an.

Mengenai Peraduan Sharahan pula, Awang Ali berharap supaya peraduan itu akan dapat memberi sinaran suci demu memandu kita dalam memperjuangkan Ugama Islam sa-bagai Ugama rasmi negeri ini.

Pengerusi peraduan2 tersebut Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dalam ucapannya antara lain berkata bahawa tujuan besar peraduan2 itu di-adakan ada-lah bagi melateh murid2 supaya mempelajari Bachaan Al-Kura'an dengan baik sehingga menchapai ka-taraf pembachaan antara bangsa.

Dalam lapangan Peraduan Sharahan pula, beliau menegaskan, sudah sa-mesti-nya murid2 di-lateh menjadi ahli2 yang bijak dan paseh dalam mengeluarkan pendapat2 mereka sa-bagai bakal pemimpin2 yang akan sama2 bertanggung-jawab dalam urusan2 negeri ini terutama sekali dalam penyibaran ugama Islam.

Keputusan bagi kedua2 peraduan itu ada-lah saperti berikut:

Johan Sharahan: Awangku

Osman bin Pengiran Abbas dari Sekolah Ugama S.O.A.S.; Naib Johan - Awang Mahmud bin Haji Pauji, Sekolah Ugama Berakas, dan ketiga Awang Abd. Amin bin Abd. Rashid dari Sekolah Ugama Kilanas.

Sharahan Bahagian Perempuan: Johan - Dayang Norliah binte Orang Kaya Haji Abdul Rahim dari Sekolah Ugama S.T.P.R.I.; Naib Johan - Dk. Rafiah binti Pengiran Chuchu dari Sekolah Ugama Berakas dan ketiga; Dayang Kasmah binte Abu Bakar dari Sekolah Ugama Bunut.

Johan Bachaan Al-Kura'an (Lelaki): Awang Asli bin Hidup dari Sekolah Ugama S.M.J.A.; Naib Johan - Awangku Abd. Rahman bin Pengiran Omar dari Sekolah Ugama S.O.A.S. dan ketiga Awang Ramlan bin Abd. Rahman dari Berakas.

Bachaan Al-Kura'an (Perempuan): Johan - Dayangku Sa'adiyah binte Pengiran Omar, Sekolah Ugama S.T.P.R.I., Naib

Johan - Dayang Safiah binte Sabtu dari Sekolah Ugama Gadong dan ketiga - Dayang Aishah binte Hussin dari Sekolah Ugama Bunut.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah menganugerahkan sa-buah piala rebutan bagi Johan Bachaan Al-Kura'an Bahagian Perempuan.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun Menteri Besar Brunei telah menghadihkan sa-buah perisai rebutan bagi johan membacha Al-Kura'an bahagian lelaki.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Johan dan Naib Johan Peraduan Membacha kitab suci Al-Kura'an bagi kedua2 bahagian serta Johan lelaki dan perempuan dalam peraduan sharahan akan mewakili Daerah Brunei/Muara ka-peraduan perengkat negeri.

Masjid Baru Akan di-Bena di-Kampong Kilanas

Perbelanjaan-nya - Tidak Kurang Dari \$30,000

KILANAS. — Sa-buah Masjid baru akan di-bena di-Kampong Kilanas bagi menggantikan Masjid lama yang ada sekarang ini. Perbelanjaan membena Masjid baru itu di-taksir akan memakan perbelanjaan sa-banyak tidak kurang dari \$30,000.

Keputusan tersebut telah di-persetujui dalam satu perjumpaan ramai penduduk2 Kampong Kilanas baru2 ini.

Ahli2 Jawatan Kuasa yang di-bentuk di-majlis perjumpaan tersebut untuk menjayakan pembenaan Masjid baru itu ada-lah seperti berikut:

Pengerusi: Awang Md. Tamit bin Haji Mangol. Naib Pengerusi: Dato Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar.

Setia Usaha: Awang Azahari bin Haji Mohd. Daud. Penulong Setia Usaha: Awang Mohd. Yaakub bin Mantok.

Bendahari: Awang Ibrahim bin Ali. Pemeriksa Kira2 I - Awang Shamsudin bin Hussain. Pemeriksa Kira2 II: Awang Mohd. Said bin Ghafar.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Dato Seri Paduka Tuan Haji Mangol, Pengiran Muda Saifuddin Ibnu Al-merhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, Awang Md. Salleh bin Ngah dan Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mangol.

Ahli2 Jawatan Kuasa Derma Kampong2:

(a) Kampong Santol: Awang Abdul Rashid bin Jaluddin dan Awang Bungsu bin Ahmad.

(b) Kampong Tanjong Bunut, Awang Abdul Rashid bin Haji Kahan, Awang Othman bin Ja'afar dan Awang Haji Safar bin Orang Kaya Talib.

(c) Kampong Kilanas Batu 8:

Awang Sabtu bin Kamit, Awang Yahya bin Haji Hussin dan Awang Md. Yussof bin Haji Bungsu.

(d) Kampong Kawasan Pertanian Kilanas: Awang Haji Puasa bin Metamit.

(e) Kampong Kilanas I: Awang Abdul Hamid bin Simpol, Awang Abdullah bin Simpol dan Awang Latat bin Haji Abdul Rahman.

(f) Kampong Kilanas II: Awang Haji Zainin bin Md. Yassin, Awang Hidup bin Ibrahim dan Awang Aji bin Bandal.


(g) Kampong Babatek: Awang Binchut bin Haji Tudin, Awang Lasim bin Haji Merussin dan dan Awang Salleh bin Tahamit.

(h) Kampong Sungai Tampoi Awang Haji Shawal bin Haji Raman, Awang Lajim bin Tudin dan Awang Haji Jumat bin Tudin..

Penasehat Pembenaan: Tuan Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin; Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Awang Mahalee bin Haji Abdullah.

Perbelanjaan bagi pembenaan Masjid baru di-Kampong Kilanas ada-lah hasil dari kutipan wang2 derma dari orang ramai yang tinggal di-Kampong Kilanas dan juga dari seluruh Negeri Brunei.

Kutipan derma tersebut akan berjalan selama enam bulan mulai pada bulan Mei ini dan apabila semua wang2 derma



Lukisan bentuk bangunan Masjid baru yang akan di-bena di-Kampong Kilanas Brunei.

itu terkumpul dan menchukopi, maka baru-lah pembenaan Masjid itu akan di-jalankan.

Sementara itu, Jawatan Kuasa pembenaan Masjid baru di-Kampong Kilanas telah pun mengedarkan Borang2 Derma kepada Masjid2 dan lain2-nya di-negeri ini.

Jawatan Kuasa tersebut merayu kapada kaum muslimin dan muslimat di-negeri ini supaya menghulurkan bantuan derma bagi pembenaan Masjid baru itu dengan tulus ikhlas pada masa menerima borang2 derma yang berkenaan itu.



SAMBUTAN "Minggu Pengakap" 29 Mei - 4 Jun

BANDAR BRUNEI. — Minggu Pengakap bagi seluruh Negeri Brunei pada tahun ini akan di-adakan mulai hari Sabtu 29 Mei hingga ka-hari Juma'at 4 Jun.

Pada masa tersebut, Pengakap2 akan melawat ka-rumah2, pejabat2, gudang2 serta kilang2 untuk membuat sebarang pekerjaan dengan bayaran \$1 untuk tiap2 pekerjaan.

Pengakap2 akan di-berikan sa-keping kad kerja sa-saorang dan orang2 yang menyuruh Pengakap2 itu membuat pekerjaan di-tempat mereka ada-lah diminta menuliskan kenyataan2 yang di-kehendakki dalam kad2 kerja itu sa-lepas tiap2 pekerjaan di-sempurnakan.

Kemudian sa-keping kertas mengandongi perkataan "Kerja sudah siap" akan di-berikan oleh Pengakap2 itu kepada "majikannya".

"Majikan" itu pula ada-lah di-minta melekatkan kertas tersebut di-hadapan pintu masuk

ka-rumah-nya atau pun di-tingkap rumah-nya, jika sa-kira-nya "majikan" itu berkehendakkan membuat sademikian, supaya dengan hal itu, Pengakap2 yang "menchari kerja" tidak-lah akan pergi ka-rumah itu lagi.

Pada masa di-adakan sambutan "Minggu Pengakap" di-seluruh Negeri Brunei tahun lalu, wang sebanyak \$1,680 telah di-perolehi.

Sungguh pun sokongan orang ramai terhadap Minggu Pengakap itu memuaskan, akan tetapi Pengakap2 tempatan berhajat hendak mengumpulkan lebeh banyak lagi wang semasa di-adakan sambutan tersebut pada tahun ini untuk membolehkan mereka melaksanakan berbagai2 projek yang berkehendakkan wang.

Waktu² Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Mei hingga ka-hari Isnin 31 Mei, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Imsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
19	4.37	4.51	6.05	12.23	3.40	6.32	7.44
20	4.37	4.51	6.05	12.23	3.40	6.32	7.44
21	4.37	4.51	6.05	12.23	3.41	6.32	7.44
22	4.37	4.51	6.05	12.23	3.41	6.32	7.44
23	4.37	4.51	6.05	12.23	3.41	6.32	7.44
24	4.37	4.51	6.05	12.23	3.41	6.33	7.45
25	4.37	4.51	6.05	12.23	3.41	6.33	7.45
26	4.37	4.51	6.05	12.23	3.42	6.33	7.45
27	4.37	4.51	6.05	12.23	3.42	6.34	7.46
28	4.37	4.51	6.05	12.23	3.42	6.34	7.46
29	4.37	4.51	6.05	12.24	3.42	6.34	7.46
30	4.37	4.51	6.05	12.24	3.43	6.34	7.46
31	4.36	4.51	6.06	12.24	3.43	6.34	7.46

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU -
BAHASA KEBANGSAAN NEGERI BRUNEI

Pembentukan Majlis Mashuarat Negeri Brunei - Sebagai Melaksanakan Langkah Pertama di-Bawah Rancangan Perkembangan Perlembagaan Negeri Brunei

(Oleh Awang Mohamed Salleh Kadir)

PADA 14 April, 1965 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah mengadakan persidangan-nya yang pertama sa-telah di-bentok sa-mula di-bawah Rancangan Perkembangan Perlembagaan yang di-umumkan dalam tahun yang lalu.

Pembentukan majlis itu ia-lah sa-bagai melaksanakan langkah pertama di-bawah rancangan tersebut berikutan dengan pilihan raya yang telah di-adakan terlebih dahulu bagi ra'ayat memilih 10 orang wakil menduduki kerusi2 majlis.

Pembukaan majlis itu telah di-alu2kan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam satu titah yang di-sampaikan oleh Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Duli Yang Maha Mulia telah mensifatkan pembukaan persidangan hari itu sa-bagai suatu ketika yang bersejarah dalam tawarikh Negeri Brunei dan Baginda berharap supaya hasil perbincangan majlis itu akan mendatangkan kemajuan dan kebajikan bagi faedah Brunei.

Baginda juga berharap susunan2 politik yang baharu itu akan mendapat sokongan yang penoh dari ra'ayat dalam melaksanakan rancangan2 kemajuan yang akan memberi kebajikan kepada semua penduduk negeri.

Ini ia-lah supaya shor2 yang berkehendakkn pertimbangan yang adil dan saksama dan kerja memperkembangkan chara2 demokrasi yang bebas akan dapat di-laksanakan oleh Kerajaan dengan kerjasama yang penoh dari penduduk2 negeri.

Kerajaan Baginda juga akan menitek beratkan lagi usaha2-nya yang telah di-berikan dalam lapangan perkembangan untuk kemajuan.

Ahli2 Majlis Mashuarat yang baharu di-bentok itu mengadongi 21 orang.

Sa-lain dari 10 orang ahli yang di-pilih oleh ra'ayat melalui pilihan raya, 6 orang ia-lah ahli2 kerana jawatan dan 5 orang ahli2 yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia untuk mewakili kepentingan2 yang di-fikirkan tidak chukup di-wakili oleh ahli2 yang di-pilih.

Langkah permulaan dalam perkembangan perlembagaan ini ia-itu penubohan sa-buah Majlis Mashuarat Negeri yang mengadongi sa-bahagian dari ahli2-nya di-pilih oleh ra'ayat akan di-ikuti dengan lantekan beberapa orang ahli2-nya sa-bagai Menteri.

Menteri2 itu akan di-bantu oleh beberapa orang Penolong2 Menteri yang akan di-lantek dari ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat.

SISTEM KEMENTERIAN

Sistem kementerian ini di-adakan sa-telah perlembagaan di-pinda supaya Majlis Mashuarat

Kerajaan dapat di-gantikan dengan Majlis Mashuarat Menteri dengan tujuan hendak memberi peluang kepada ahli2 yang di-pilih bersama2 mengambil peranan dalam pemerintahan negeri.

Majlis Mashuarat Menteri itu akan mengadongi 10 orang ahli, 6 daripada-nya ahli2 kerana jawatan dan 4 orang ahli2 lain yang kesemua-nya dari ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Mengikut sistem kementerian ini tiap2 orang menteri akan diberi tanggung jawab yang tertentu mengenai pertadbiran beberapa buah jabatan di-bawah sa-orang menteri dan satu pengumuman mungkin di-adakan atas jabatan2 manakah akan di-tadbirkan oleh sa-saorang menteri nanti.

Mengikut susunan ini menteri2 itu hendak-lah terlebih dahulu mendapat kelulusan yang perlu dari Majlis Mashuarat Menteri untuk chadangan2 dasar bagi jabatan2 yang menjadi tanggung jawab mereka.

Dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia kepada sidang pembukaan Majlis Mashuarat Negeri baginda juga bertitah bahawa keputusan2 yang penting dan berkesan akan di-ambil dalam beberapa tahun yang akan datang ini mengenai keseluruh untong nasib Negeri Brunei pada masa hadapan dari segi politik, ekonomi dan sosial.

PERWAKILAN RA'AYAT

Satu dari keputusan penting yang akan di-ambil itu ia-lah memberi perwakilan penoh kepada ra'ayat dalam Majlis Mashuarat Negeri dengan bilangan ahli2 yang di-lantek di-hapuskan dan ahli2 kerana jawatan dikurangkan kepada suatu angka yang sa-habis kechil untuk kechekapan pemerentahan.

Sistem kementerian yang akan di-adakan bagi negeri ini telah di-ranchangkan berikutan dengan rundingan2 yang di-adakan oleh Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan British di-London dalam tahun yang lalu.

Mengikut sistem ini sa-orang menteri akan mempunyai satu pejabat untuk menyenangkan-nya menjalankan tugas-nya sa-bagai menteri.

Butir2 lengkap mengenai penyusunan pejabat itu akan di-umumkan tidak lama lagi dengan tujuan membahagi2kan tanggung jawab yang tertentu kepada tiap2 orang menteri.

Dalam satengah2 perkara, mithalan-nya, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama, kebanyakan dari tanggung jawab itu telah di-tetapkan oleh undang2 yang sekarang ini berjalan kuatkuasanya.

SETIAUSAHA TETAP

Walau bagaimana pun, sa-orang menteri akan di-beri sa-orang Setiausaha Tetap, ia-itu sa-orang pegawai dari perkhidmatan awam yang sa-lain dari bertindak sa-bagai penasihat kepada menteri ia-lah juga saloran perhubungan antara ketua2 Jabatan di-bawah Pejabat Menteri.

Segala keputusan mengenai jabatan2 di-bawah sa-orang menteri akan di-buat oleh menteri itu sendiri.

Oleh sebab keputusan atas sa-suatu masaalah akan di-perbuat oleh menteri itu sendiri, soal kanan pangkat di-antara Setiausaha Tetap dengan Ketua2 Jabatan tidak-lah akan tertimbul.

Perubahan dalam pemerintahan berikutan dengan penubohan sa-buah Majlis Mashuarat Negeri yang mengadongi sa-bahagian dari ahli2-nya di-pilih oleh ra'ayat itu ada-lah merupakan perkembangan pemerintahan perengkat negeri.

Tetapi ranchangan perlembagaan itu juga menchadangkan perkembangan di-perengkat da'erah.

Itu-lah sebab-nya dalam bulan Mach yang lalu dua jenis pilihan raya telah di-adakan. Satu ia-lah untuk memilih wakil2 ka-Majlis Mashuarat Negeri dan satu lagi untuk memilih wakil2 ka-Majlis Mashuarat Daerah.

MAJLIS MASHUARAT DAERAH

Semua-nya 4 Majlis Mashuarat Da'erah telah di-tubuhkan ia-itu Majlis Mashuarat Da'erah Brunei Majlis Mashuarat Da'erah Tutong, Majlis Mashuarat Da'erah Belait dan Majlis Mashuarat Da'erah Temburong.

Majlis2 Mashuarat Da'erah itu mengadongi ahli2 yang di-pilih yang terbanyak bilangan-nya. Chuma beberapa orang sahaja ahli2 yang di-lantek menduduki kerusi2 Majlis Mashuarat Da'erah. Mereka itu termasuk-lah Pegawai Da'erah tiap2 da'erah yang kerana jawatan-nya menjadi Pengerusi Majlis Mashuarat Da'erah masing2.

Majlis Mashuarat Da'erah itu telah di-tubuhkan di-bawah fasal yang tertentu dalam perlembagaan. Kuasa2-nya terhad kepada menasehatkan Pegawai Da'erah

dalam usaha-nya mentadbirkan urusan da'erah untuk kemajuan dan kebahagiaan penduduk2 da'erah.

Tiap2 orang Pegawai Da'erah sudah sa-memang-nya suka melihat da'erah-nya maju dan penduduk2-nya mewah dan bahagia dan mereka sudah tentu-lah akan sedia menimbangkan segala shor dan chadangan untuk menchapai matalamat ini.

Tetapi kuasa2 Pegawai2 Da'erah itu ada-lah juga terhad dan tidak-lah dapat mereka melaksanakan shor2 dari desakan yang berupa ekstremis.

Dengan menduga kemungkinan shor dan desakan yang tidak dapat di-laksanakan itu dikemukakan oleh ahli2 yang di-pilih sa-orang Pegawai Da'erah telah menasehatkan ahli2 supaya jangan membawa shor dan desakan yang susah hendak di-laksanakan.

PENASEHAT KAPADA PEGAWAI DAERAH

Sa-balek-nya beliau telah mengingatkan ahli2 majlis bahawa sungoh pun tugas majlis itu ia-lah menimbangkan sa-chara beramai2 shor2 yang di-kemukakan oleh ahli2 kedudukan majlis ia-lah sa-bagai penasehat kepada Pegawai Da'erah.

Jika shor2 itu berfaedah untuk negara, ia-nya akan di-jadikan panduan dalam pertadbiran da'erah.

Untuk melichinkan perjalanan Majlis2 Mashuarat Da'erah yang telah di-bentok di-tiap2 da'erah itu ahli2 ada-lah di-jangka akan menjelaskan kepada ra'ayat sa-bagai pengundi tentang kelayakan atau sa-balek-nya tuntutan2 dan shor2 mereka bagi kemajuan dan pembangunan da'erah.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN JAYCEE

BERAKAS. — Yang Dipertua Pertubohan Jaycee Negeri Brunei, Awang Ong Kim Kee dan Naib Yang Dipertua Jaycee Chawangan Bandar Brunei, Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof telah balek ka-Brunei baharu2 ini sa-lepas menghadhiri Persidangan Jaycee di-Taipeh, Formosa.

Persidangan itu telah di-adakan mulai pada 27 April hingga ka-30 April, 1965. Kira2 1000 orang wakil2 Pertubohan2 Jaycee dari negeri2 di-Asia dan dari lain2 negeri telah hadir di-persidangan tersebut.

Persidangan Jaycee yang akan datang akan di-adakan di-Hong Kong dalam bulan April tahun 1966.

D. Y. M. M. MENGURNIAKAN PINGAT PERJUANGAN KAPADA 119 ORANG DI-DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchemar duli ka-lima buah kawasan di-Daerah Temburong untuk menyampaikan Pingat2 Perjuangan kepada 119 orang penduduk di-kawasan2 tersebut pada hari Rabu 12 Mei, 1965.

Baginda dan rombongan telah menggunakan sa-buah helikopter bagi Perkhidmatan Askar Melayu Brunei dan kawasan2 yang Baginda lawati itu ia-lah Pekan Bangar, Belais, Amo, Batu Apoi dan Labu.

Di-sepanjang lawatan Baginda itu, Baginda telah di-iringi oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei Lieut. Colonel Fletcher, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashhor.

Mereka yang menerima pingat2 tersebut, sa-ramai 45 orang di-Pekan Bangar tiga daripada-nya mendapat Pingat Perjuangan Darjah Pertama; 9 orang di-Kampung Belais, 11 orang di-Kampung Amo; 43 orang di-Batu Apoi dan 11 orang di-Labu termasuk dua orang mendapat Pingat Perjuangan Darjah Pertama.

Antara orang2 yang mendapat Pingat Perjuangan Darjah Pertama

di-Pekan Bangar ia-lah Pegawai Daerah Temburong Pengiran Syed Shahminan.

Pingat2 tersebut di-kurniakan oleh Baginda kepada mereka ada-lah sebagai mengenang jasa mereka dalam mempertahankan keamanan dan ketenteraman negara dari di-chabol oleh penderhaka2 dalam tahun 1962.

Ketika berlaku-nya penderhakaan dalam negeri ini, Daerah Temburong ada-lah sa-buah daerah yang terakhir yang dapat di-bebaskan dari tangan penderhaka2 yang sa-belum itu di-sifatkan sa-bagai "Kawasan hitam".

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam titah ucapan Baginda telah menyatakan terima kasih dari Baginda dan Kerajaan kepada orang2 yang telah menaborkan jasa baik mereka dalam mempertahankan negeri ini dari di-kuasai oleh penderhaka2.

Titah Baginda, dengan jasa mereka itu keadaan negeri ini telah puleh sedia kala dan Baginda berdo'a semoga keadaan serupa itu akan kekal buat sa-lama2-nya.

Peraduan Membacha Al-Kura'an dan Sharahan Murid2 Daerah Tutong

TUTONG. — Satu Peraduan Membacha Al-Kura'an dan Sharahan bagi murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Tutong telah di-langsungkan di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada pagi 14 Mei, 1965.

Sa-belum merasmikan pembukaan peraduan2 tersebut, Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak dalam ucapan-nya antara lain, telah menyatakan bahawa dengan adanya peraduan2 tersebut maka akan tertanam-lah di-jiwa anak2 bagi menchintai perpaduan, keamanan dan kemakmoran sesuai dengan dasar Ugama Islam dan Kerajaan.

Beliau percaya akan kepastian tercapai-nya dasar2 tersebut menilek kepada didekan yang di-berikan oleh guru2 di-sekolah yang mementingkan perpaduan sa-sama sendiri serta didekan

akhlak dan perangai yang sempurna.

Di-samping itu, kata Awang Johari, didekan dari ibu bapa ada-lah sangat2 di-perlukan kerana masa anak2 berada di-rumah ada-lah lebeh panjang dari di-sekolah.

Awang Johari menjelaskan lagi, bahawa dengan ada-nya kerjasama dari ibu bapa itu, maka chita2 Kerajaan untuk memberi segala ilmu pengetahuan kepada ra'ayat negeri ini akan dapat tercapai dengan jaya-nya.

Ucapan bagi menjelaskan tujuan2 peraduan2 itu di-adakan telah di-sampaikan oleh Penge-

D.Y.M.M. Berangkat Ka-London

(Dari Muka 1)

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-sertai oleh beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei sebagai Penasehat2.

Di-antara Pegawai2 Kanan Kerajaan yang telah mengiringi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-London ia-lah Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin ibni Al-merhom Duli Pengiran Bendahara anak Haji Mohamed Yassin; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies serta Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas.

Pemangku Pesuruh Jaya British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee akan menyertai Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam perundingan tersebut.

Yang Berhormat Awang John Lee telah berangkat ka-United Kingdom tidak berapa lama dahulu kerana menyempurnakan kelepasan beliau.

Yang Terutama Awang F. D. Webber pula telah berangkat ka-United Kingdom pada 16 Mei.

Beratus2 orang dari berbagai2 bangsa telah berada di-Lapangan Terbang Berakas pada petang hari Khamis yang lalu untuk mengucapkan "Selamat Berangkat Ka-United Kingdom" kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Putera2 dan Puteri2 Baginda2 serta kepada semua orang anggota2 rombongan Baginda.

Sa-belum Baginda2 dan rombongan menaikki kapal terbang menuju ka-Singapura dalam penerbangan ka-London, Pegawai2 Masjid telah membachakan Do'a Selamat dan pada masa kapal terbang itu hendak terbang ka-udara sa-orang Pegawai Masjid menyuarakan Azan.

Pada sa'at itu para hadhirin telah melambai2kan tangan sebagai tanda mengucapkan Selamat Baginda2 dan rombongan berangkat ka-United Kingdom dan Selamat Kembali ka-Tanah Ayer dengan sehat wal-afiat.



Dayang Norsiah binti Shamsuddin, sa-orang murid dari Sekolah Ugama Muda Hashim, Tutong yang telah berjaya menjadi Johan Bahagian Murid2 Perempuan dalam Peraduan Bachaan Al-Kura'an Murid2 Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong baharu2 ini. — Gambar dengan ehsan Awang Abdul Hamid P. H. A. Bakar.



Sambutan "Minggu Palang Merah" telah di-adakan di-Negeri Brunei di-bawah anjuran Pasokan Palang Merah Negeri Brunei, mulai pada 7 Mei hingga ka-15 Mei, 1965, untuk mengutip derma bagi membantu Tabong Derma Palang Merah itu.

Di-antara achara2 yang telah di-adakan ia-lah Hari Bendera, Pertunjukan Pekerjaan Palang Merah; Wayang Gambar; Permainan Pancharagam oleh Pancharagam Pulis Brunei dan oleh Pasokan Gurkha di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei dan Temasha Tari Menari Derma Bakti di-Klub Peralu Layar Diraja Brunei.

Dalam gambar ini kelihatan Naib Yang Dipertua Persatuan Palang Merah Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed semasa menyaksikan satu Pertunjukan Pertolongan Chemas di-Padang Besar Bandar Brunei. Di-Kiri sekali dalam gambar ini ia-lah Penaja Palang Merah Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy.

rusi Peraduan, Awang Abdul Hamid bin Md. Daud.

Kata-nya, peraduan2 itu adalah bagi melateh murid2 supaya mendampirkan diri dengan kitab suci Al-Kura'an dan mempelajari-nya dengan lebeh meluas lagi serta menanamkan semangat ke-Islaman yang sejati.

Dalam peraduan perengkat

negeri yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi, Daerah Tutong akan menghantar dua orang wakil dalam peraduan sharahan ia-itu sa-orang laki2 dan sa-orang perempuan, sementara bagi peraduan membacha Al-Kura'an akan di-wakili oleh dua orang murid laki2 dan dua orang murid perempuan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

(1) PEMBANTU PENYELIDEK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Mempunyai kelulusan sekurang2-nya dalam tingkatan V Persekolahan Menengah Kerajaan atau yang sebanding dengan-nya.
- Mahir di-dalam kedua2 bahasa Melayu/Inggeris, ada mempunyai bakat dan kechenderongan dalam hal penyelidekan.

Gaji: Dalam sukatan gaji D(a) 1 - 2 - 3 - 4 - 5 D(b) 2 - 3 - 4 - 5 = \$211 - 220 x 10 - 260 - 280 - 290 x 20 - 370 - 380 x 20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Mempunyai kelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan boleh berbahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpustakaan sekurang2-nya selama satu tahun.
- Pemohon2 yang tidak ada mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-atas tetapi

mempunyai kebolehan yang sebanding dengan-nya akan di-pertimbangkan juga.

Gaji: Dalam sukatan gaji D(b) 2 - 3 - 4 - 5 \$211-220x10 - 260 - 280 - 290 x20 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(3) ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah VII Sekolah Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal pekerjaan Atendan Perpustakaan.

Gaji: Dalam sukatan gaji E. 1 - 2 - 3 = \$183x7 - 211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 Jun, 1965.

Latehan Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan berjawatan tetap untuk mengikut latehan Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur selama sekurang2-nya enam bulan atau lebih (mengikut keadaan kemajuan latehan).

Kelayakan2:

- Telah menjalani Tingkatan V dalam Sekolah Menengah.
- Mempunyai kebolehan menterjemah.

Dalam tempoh latehan, kemandahan2 yang berikut akan disediakan:—

- Chalon2 yang terpilih akan menerima gaji mereka seperti biasa.
- Tambang pergi balek dari Brunei ka-tempat latehan akan di-tanggung oleh Kerajaan.

(3) Tempat kediaman akan di-sediakan oleh Kerajaan dengan perchuma.

(4) Alaon sara hidup akan di-bayar sebanyak \$150 sabulan atau \$5.00 sa-hari dan alaon perjalanan akan di-bayar sebanyak \$30 sabulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 khas yang boleh di-perolehi daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lewat dari 5 Jun, 1965.

Pengambilan Rikrut2 Baru Untok Askar Melayu Brunei

BERAKAS. — Pengambilan rikrut2 baru Askar Melayu Brunei yang nama2 tertera di-bawah ada-lah di-kehendaki merepotkan diri di-Perkemahan Askar Melayu Brunei pada 25 Mei, pada jam 12 tengah hari.

Simpoh bin Ambing Kampong Rambai Ulu Tutong, Murih bin Tahir Kampong Rambai Ulu Tutong, Ibrahim bin Metusin Kampong Lamunin Batu 6, Damit bin Puasa Kampong Anggerek Desa Berakas, Ak Daud bin Pg. Damit Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait, Mokhtar bin Muhammad Kampong Saba Laut, Brunei.

Mohd. Yusof bin Abdullah Kampong Kota Batu, Brunei, Umar bin Lamat Kampong Padang Bunut, Jalan Tutong, Arshad bin Md. Taha Kampong Bunut Batu 5 Jalan Tutong, Zakaria bin Moksing Kampong Batu Marang, Brunei, Ag. Safar bin Ajak Kampong Pengkalan Batu Brunei, Nain bin Ibrahim Kampong Lurong Sekuna Brunei.

Piut bin Abd. Ghani Kampong Lurong Sekuna Brunei, Md. Yassin bin Ag. Ismail Kampong Sungai Kianggeh Brunei, Ahmad bin Tuah Balai Pulis Kuala Belait, Ismail bin Ag. Damit, Jabatan Bandaran Brunei, Mahrub bin Matusin S.M. Sungei Besar Kuala Belait, Aliudin bin Nordin S.M. Sungai Besar Kuala Belait.

Ak. Bakar bin Pg. Yusof, Kampong Sultan Lama Brunei, Ag. Ahmad bin Momin Kampong Gadong Estate P.O. 63, Al. Daud bin Pg. Tujoh Kampong Bakut Berumput, Brunei, Kalong bin Ismail Kampong Sungai Lampai Brunei, Jelani bin Piut Batu I Kuala Belait, Abu Bakar bin Edin Kampong Padang Baru,

Alis b. Ribut Kampong Sungai Liang K. Belait, Balah bin Tangkaja Kampong Lumut Kuala Belait, Lamudin bin Kahar Kampong Jerudong Brunei, Shamsudin bin Mahmud Kampong Sungai Kedayan "B", Abd. Latiff bin Buntar Kampong Saba Darat Brunei, Sain bin Tawang Kampong Sungai Liang Kuala Belait.

June bin Ginam Kampong Lumut Kuala Belait, Ag. Numba bin Elai Pejabat Ugama Kuala Belait, Ag. Moksing bin Mohammad Kampong Batu 20 Jalan Tutong, Ag. Asar bin Talib Kampong Kupang Tutong, Ag. Bujang bin Ibrahim Kampong Melayu

Seria Lot 2610 Seria, Ali bin Abd. Jalil Kampong Saba Ujong, Brunei.

Tuah bin Ja'afar Ali Kampong Anggerek Desa Berakas, Nibah bin Tumit Kampong Bukit Udal Tutong, Sunai bin Aban Batu I Jalan Tutong, Buntar bin Tasan Kampong Bengkurong Brunei, Aini bin Anang Pejabat Perubatan Brunei, Abd. Hamid bin Abdullah Kampong Sumbiling Brunei.

Kenderaan untok membawa rikrut2 tersebut ka-Perkemahan Askar Melayu Brunei akan di-sediakan di-tempat2 dan pada waktu2 yang berikut:

Pejabat Pos Kuala Belait. Tiba pada jam 8.50 pagi dan bertolak pada jam 9 pagi.

Pejabat Daerah Seria tiba pada jam 9.30 pagi dan bertolak pada jam 9.40 pagi.

Balai Pulis Tutong. Tiba pada jam 10.25 pagi dan bertolak pada jam 10.35 pagi.

Simpang Jalan Lamunin/Brunei. Tiba pada jam 10.55 pagi dan bertolak pada jam 11 pagi.

Balai Pulis Muara. Tiba pada jam 10 pagi dan bertolak pada jam 10.10 pagi.

Sekolah Melayu Delima I, Berakas. Tiba pada jam 10.30 pagi dan bertolak pada jam 10.40 pagi.

Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei. Tiba pada jam 11.10 pagi dan bertolak pada jam 11.30 pagi.

Mereka2 yang tinggal di-pendalaman di-kehendaki merepotkan diri masing2 di-tempat2 pemungutan yang berdekatan sa-kali kalau mereka mahu menggunakan kenderaan yang di-sediakan.

Rikrut2 baru ada-lah di-nasehati supaya mereka JANGAN membawa lebih banyak pakaian2 pereman kerana dalam masa berlateh tidak di-kehendaki menggunakan pakaian2 pereman.

Rikrut2 juga di-kehendaki membawa persalinan kain dan penyukor janggut serta wang untok perbelanjaan sa-hingga 10 Jun, 1965 apakata nanti mereka mendapat gaji yang pertama.

STEM2 KHAS MEMPERINGATI USIA 100 TAHUN KESATUAN TALIKOM ANTARA BANGSA

BANDAR BRUNEI. — Stem2 khas berharga 4 sen dan 75 sen telah di-jual di-Pejabat2 Pos di-negeri ini mulai pada 17 Mei, 1965. Sa-banyak 35,771 stem 4 sen dan 16,585 stem 75 sen telah di-jual pada hari itu.

Stem2 itu di-keluarkan sebagai memperingati Usia 100 tahun Kesatuan Talikom Antara Bangsa dan akan terus di-jual selama kira2 tiga bulan atau hingga simpanan stem2 itu habis di-jual.

PERTANDINGAN SOKAN SEKOLAH² MELAYU SELUROH BRUNEI

8 Rekod² Baru di-Chiptakan

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan Melayu bagi Seluruh Negeri Brunei di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 9 Mei, 1965, dengan melepaskan bilon² yang berwarna-warni ka-angkasa.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal juga telah menerima Tabek Kehormatan dari peserta² yang mengambil bahagian serta dari Pasokan Palang Merah yang bertugas di-temasha sokan itu.

Sa-banyak delapan rekod² baru telah di-chiptakan di-temasha sokan tersebut. Rekod² baru dan lama itu ada-lah saperti di-bawah ini.

Bahagian Lelaki "A": Sa-banyak 2 rekod baru, ia-itu: (a) 440 ela di-chiptakan oleh Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Masa-nya 58.7 sa'at. Rekod lama 58.8 sa'at di-chiptakan oleh Sulaiman Ahmad dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dalam tahun 1964.

(b) Lontar Lembing di-chiptakan oleh Dahlan Abus dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Jauh-nya 144 kaki, 10 inchi. Rekod lama sa-jauh 135 kaki 6½ inchi telah di-chiptakan oleh Ya'akub Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dalam tahun 1963.

Bahagian Perempuan "A": Sa-banyak 3 rekod baru, ia-itu:

(a) Buang Peluru di-chiptakan oleh Johara Md. Yusof dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut. Jauh-nya 23 kaki. Rekod lama sa-jauh 22 kaki, 2 inchi telah di-chiptakan oleh Masni Md. Said dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dalam tahun 1962.

(b) Lompat Jauh di-chiptakan oleh Suraya Salleh dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Jauh-nya 13 kaki, 10½ inchi. Rekod lama sa-jauh 12 kaki, 6½ inchi telah di-chiptakan oleh Aini Freedy dari Sekolah Melayu Berakas dalam tahun 1962.

(c) Lompat Tinggi di-chiptakan oleh Norsayah binti Md. Noor dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Tinggi-nya 4 kaki, 2 inchi. Rekod lama sa-tinggi 4 kaki, 1 inchi telah di-chiptakan oleh Norsayah juga dalam tahun 1964.

Bahagian Lelaki "B": Satu rekod baru ia-itu Lontar Lembing. Rekod itu di-chiptakan oleh Chuchu Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei sa-jauh 128 kaki, 7 inchi. Rekod lama sa-jauh 125 kaki, 5 inchi telah di-chiptakan oleh Zaini Md. Yusof dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dalam tahun 1964.

Bahagian Perempuan "B": Satu rekod baru ia-itu Lari Berganti² 110x4 ela. Rekod itu di-chiptakan oleh Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Masa-nya 62.7 sa'at. Rekod lama masa-nya 64.1 sa'at telah di-chiptakan oleh Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dalam tahun 1964.

Bahagian Lelaki "D": Satu rekod baru ia-itu Lari 220 ela. Rekod itu di-chiptakan oleh

Abdul Rahman Talib dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Masa-nya 31 sa'at. Rekod lama, masa-nya 36.6 sa'at telah di-chiptakan oleh Ali Akbar Yahya dari Sekolah Melayu Lambak dalam tahun 1964.

Keputusan penoh pertandingan Sokan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Champion Mata Kemenangan: Johan - Pasokan Belait mendapat 214 mata. Naib Johan - Pasokan Brunei I mendapat 212 mata. Pemenang ketiga - Pasokan Brunei II mendapat 150 mata. Keempat - Pasokan Tutong mendapat 132 mata dan Kelima - Pasokan Temburong mendapat 98 mata.


Bahagian Lelaki: Johan - Pasokan Belait mendapat 167 mata. Naib Johan - Pasokan Brunei I mendapat 166 mata. Pemenang Ketiga - Pasokan Brunei II mendapat 105 mata. Keempat - Pasokan Tutong men-

dapat 85 mata dan Kelima - Pasokan Temburong mendapat 78 mata.

Bahagian Perempuan: Johan - Pasokan Belait dan Tutong mendapat sama mata, ia-itu 47 mata tiap² pasokan. Naib Johan - Pasokan Brunei I mendapat 46 mata. Pemenang Ketiga - Pasokan Brunei II mendapat 45 mata dan Pemenang Keempat - Pasokan Temburong mendapat 20 mata.

Di-antara para hadhirin di-temasha sokan tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Pegawai Pelajaran Negara, Awang Malcolm MacInnes; Pegawai Pelajaran Melayu, Awang Noordin bin Abdul Latiff serta lain²-nya.

Yang Mulia Datin Zubaidah binti Osman, isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menyampaikan hadiah² kejohanan sa-telah tamat pertandingan sokan tersebut.



Klub Rotary Bandar Brunei telah mendermakan wang sa-banyak lima puluh lima ringgit kepada Pertubuhan Palang Merah Negeri Brunei. Wang itu berupa sa-keping chek telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua klub tersebut, Doktor J. S. Gould kepada Najib Yang Dipertua Persatuan Palang Merah Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed (kanan) di-Majlis Perjumpaan Mingguan Klub Rotary Bandar Brunei pada tengah hari Khamis yang lalu.

KURSUS PEMIMPIN² BELIA SA-NEGERI BRUNEI



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin² Belia sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965. Dalam gambar² ini kelihatan di-antara para jempunan dan lain²-nya yang hadir di-majlis pembukaan rasmi kursus itu.

JULONG² KURSUS PEMIMPIN² BELIA DALAM SEJARAH NEGARA BERJAYA

SERIA. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin² Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965

Seri Paduka Yang Teramat Mulia Duli Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah berchemar duli ka-majlis tersebut dan juga telah bersabda di-majlis itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis; Pegawai² Kanan Kerajaan; Ahli² Majlis Mashuarat Negeri dan Daerah serta ramai para jemputan telah hadir di-majlis tersebut.

Ini-lah julong² kali dalam sejarah Negeri Brunei kursus sa-demikian di-adakan. Kursus itu di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan Persatuan² Belia di-negeri ini.

Seramai kira2 200 orang wakil² dari kira2 30 buah Persatuan² Belia telah mengambil bahagian dalam kursus itu.

Majlis pembukaan rasmi kursus tersebut di-mulai dengan ucapan oleh Setia Usaha Tetap kursus itu, Awang Zulkiffie bin Haji Abdullah. Kemudian ucapan² telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja kursus tersebut, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri yang menjadi Pengerusi Kursus tersebut.

Sa-lepas itu Seri Paduka Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah bersabda.

Kemudian Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melafadzkan uchap-

an dan saterus-nya merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin² Belia tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan Ba-chaan Do'a Selamat oleh Sahibul Fadhilah Kadhi Daerah Tutong, Yang Di-Muliakan Pehin Begawan Khatib Haji Matali.

Kursus tersebut telah di-mulai pada petang hari Sabtu 15 Mei dan akan tamat pada pagi hari Sabtu 22 Mei.

Ucapan Penutup Kursus akan di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, pada pukul 8.30 pagi 22 Mei.

IKRAR BELIA

KAMI BERIKRAR akan menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Negeri Brunei.

Kami berikrar akan berjalan di-atas Dasar Kerajaan yang menjamin hak-hak seluruh ra'ayat.

Kami berikrar untuk berikhtiar sa-beberapa daya yang boleh akan mencari jalan ka-arrah persatuan antara pemuda-pemudi dengan tidak mengira bangsa atau keperchayaan masing².

Ikrar tersebut telah di-buat oleh Pemimpin² Persatuan² Belia dari seluruh Negeri Brunei di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pemimpin² Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, kelihatan dalam gambar ini memberikan ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin² Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965.

Pemangku S. U. K. Merasmikan Pembukaan Seminar Sains

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Brunei Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Seminar Sains di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Selasa 18 Mei, 1965.

Seminar Sains itu di-adakan di-bawah dokongan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei dan akan tamat pada hari Khamis 20 Mei.

Tujuan di-adakan Seminar Sains itu, di-samping hendak menaikki kemajuan dan perkembangan Pengajaran Sains dalam negeri ini, ia-lah hendak memperluaskan sokongan² atau nasihat² Perjumpaan Ahli² Sains yang telah di-adakan di-Manila dalam bulan Disember tahun 1964.

Seminar itu ia-lah berikutan dengan kehadiran dua orang wakil dari Persekutuan Guru² Melayu Brunei dan sa-orang wakil dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-perjumpaan Ahli² Sains di-Manila itu.

Perjumpaan tersebut telah di-adakan di-bawah lindungan Gabongan

Persekutuan Guru² Sa-Dunia, yang Persekutuan Guru² Melayu Brunei menjadi ahli-nya.

Perjumpaan itu telah di-arahkan bagi membincang dan membuat sokongan atau nasihat mengenai rancangan² bagi memperbaiki atau menyempurnakan Pengajaran Sains di-Darjah Rendah dan Menengah Bawah dalam Kawasan Asia.

Turut memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Seminar Sains tersebut ia-lah Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes; Wakil Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Chegu Abdul Wahab Mohamed; Pengerusi Seminar Sains itu, Awang S. Thangarajah dan oleh Awang Balwant Singh, Setia Usaha Seminar itu.

SAMBUTAN HARI TENTERA ASKAR MELAYU BRUNEI

BERAKAS. — Satu Istiadat Perbarisan sa-bagai menyambut Hari Tentera, Askar Melayu Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Askar Melayu Brunei di-Berakas pada hari Isnin 31 Mei, 1965 mulai pada pukul 7.30 pagi.

Menurut penerangan sa-orang Juruchapak Askar Melayu Brunei, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang pada masa ini bersemayam di-United Kingdom akan kembali ka-Brunei sa-belum penghujung bulan ini dan Baginda akan berchemar duli ka-Istiadat Perbarisan tersebut.

Mulai pada pukul 2.30 petang hari tersebut pula, satu temasha Pasar Gembira akan di-adakan di-Perkhemahan Askar Melayu Brunei.

Berbagai² jenis permainan, bukan sahaja untuk kanak² bahkan untuk orang² dewasa juga, akan di-adakan di-Pasar Gembira itu.

Pasar Gembira itu ada-lah terbuka kapada orang ramai dengan tidak mengenakan sa-barang bayaran pun.

Menurut penerangan Juruchapak itu lagi, Askar Melayu Brunei akan menyediakan kenderaan untuk membawa orang ramai dari Bandar Brunei ka-Berakas Kem pada hari tersebut dan menghantarkan mereka balek ka-Bandar Brunei sa-lepas menghadiri temasha tersebut.

BALEK DARI MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Seramai 60 orang jema'ah² Haji Brunei yang telah belayar dari Jeddah ka-Singapura dalam kapal Haji pelayaran pertama telah balek ka-Tanah Ayer baharu² ini sa-lepas menunaikan fardhu Haji.

Di-antara jema'ah² Haji itu ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin. Beliau telah bertugas sa-bagai Pensharah Ugama dalam kapal Haji itu.

KELEPASAN SEKOLAH²

BANDAR BRUNEI. — Sekolah² Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-tutup kerana Chuti Penggal Pertama pada hari Juma'at 14 Mei dan akan di-buka sa-mula pada hari Ahad 23 Mei.

Sekolah² Inggeris Kerajaan pula telah di-tutup kerana Chuti Penggal Pertama pada hari Juma'at 14 Mei dan akan di-buka sa-mula pada hari Isnin 24 Mei.



Gambar ini di-ambil di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pemimpin² Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin beruchap di-majlis tersebut selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja Kursus Pemimpin² Belia Sa-Negeri Brunei.